

TRANSKRIP TEMU BUAL GURU 4

Normah, Verbatim Temubual Guru 4, SMK B, (02.07.2013), (4:26)

1 N, TB, G4, SMK B, (02072013), (4:26)

2

3 **Pengkaji**

4 Assalamualaikum cikgu. Apakah yang cikgu faham tentang Pendidikan Alam
5 Sekitar?

6 **Guru**

7 Waalaikumsalam. Ok. Pada pandangan sayalah ye, Pendidikan Alam Sekitar ni, aa..
8 merupakan usaha ilmu atau didikan mengenai alam sekitar dari segi cara
9 penjagaannya, cara kita menghargainya dan juga cara bagaimana kita memastikan
10 alam sekitar kita sentiasa bersih.

11

12 **Pengkaji**

13 Apakah pula Penerapan Pendidikan Alam Sekitar Merentas Kurikulum?

14 **Guru**

15 Ok. Aa.. contohnya kalau saya, saya **memasukkan** ilmu mengenai alam sekitar dari
16 segi penjagaan dan sebagainya dalam matapelajaran Sains dan Kimia yang saya ajar di
17 sekolah, di samping kita menghubungkaikan juga kesan jika alam sekitar dijaga atau
18 dihargai dan juga kesan jika alam sekitar itu diabaikan.

19

20 **Pengkaji**

21 Bilakah pendidikan alam sekitar diterapkan di sekolah?

22 **Guru**

23 Aa.. Semestinya pada waktu pnp, contohnya tentang jerebu yang berlaku baru-baru ini,
24 saya akan ceritakanlah kepada pelajar dan bincangkan dengan mereka apa sebab jerebu
25 dan kesannya, apa yang berlakulah pada waktu sekarang, dan pada waktu rehat jika
26 saya nampak pelajar membuang sampah merata-rata saya akan tegur mereka dan juga
27 terangkan apa kesannya bila mereka buat tu, itu sahaja.

28

29 **Pengkaji**

30 Dalam Pengajaran dan pembelajaran (PdP) cikgu tadi, terangkan kaedah yang cikgu
31 gunakan untuk menerapkan tentang Pendidikan Alam Sekitar?

32 **Guru**

33 Ok. Aa.. Kaedahnya adalah **perbincangan**. Berbincang dengan mereka tentang punca
34 alam sekitar, aa.. punca alam sekitar yang dicemar dan juga kesan-kesannya, dan juga
35 **menonton video** dan ada juga kadang kala saya terapkan dalam nyanyian. Aa.. Ada
36 nyanyian yang diselitkan sekali di dalam video.

37

38 **Pengkaji**

39 Selain dari kaedah yang cikgu sampaikan tadi, apakah kaedah-kaedah lain yang biasa
40 cikgu gunakan untuk menerapkan Pendidikan Alam Sekitar semasa PdP dalam kelas?

41 **Guru**

42 Ok. Ada sekali saya buat tentang **lakonan**. Dari segi lakonan ini, mereka lebih faham,
43 dan mereka lebih mengalami sendiri, menghayati sendiri, tentang punca pencemaran
44 alam sekitar, kesan akibatnya.

45

46 **Pengkaji**

47 Bagaimanakah pula cikgu menerapkan Pendidikan Alam Sekitar dalam aktiviti ko-
48 kurikulum di sekolah?

- 49 **Guru**
50 Ok, selalunya **kempen alam sekitar** kita adakan, aa... kempen alam sekitar dan aktiviti
51 luar bilik darjahlah seperti pergi, aa.. melawati persekitaran sekolah tengok mana
52 sampah sarap yang tak dikutip, longkang yang kotor ke dan juga menerapkan kepada
53 pelajar tentang kitar semula. Mana barang barang yang boleh di kitar semula dikumpul
54 dan diletakkan di suatu tempat.
- 55
56 **Pengkaji**
57 Apakah nilai-nilai murni yang cikgu sampaikan semasa menerapkan Pendidikan Alam
58 Sekitar?
- 59 **Guru**
60 Em.. Semestinya bekerjasama. Kita tidak boleh, aa.. alam sekitar ini tidak boleh
61 individu sahaja yang bertindak. Mesti mendapat kerjasama daripada semua orang, dan
62 juga sikap untuk mengekalkan hidupan liar dan kepelbagaiannya hidupan. Ini
63 tanggungjawab individu, sama juga dengan bekerjasama, kita tidak boleh pentingkan
64 diri sendiri, hanya sebelah pihak sahaja yang menghargai alam sekitar, dan sebelah lagi
65 asyik membuang sampah je. Dan juga, aa.. menerangkan kepada mereka supaya
66 perlindungan dan pemeliharaan ekosistem.
- 67
68 **Pengkaji**
69 Apakah masalah-masalah yang cikgu hadapi semasa menerapkan Pendidikan Alam
70 Sekitar?
- 71 **Guru**
72 Biasanya kekangan masa, terikat dengan silibus. Disebabkan terikat dengan silibus ini,
73 aa.. masa untuk penerapan alam sekitar ini agak limit lah, kurang. Dan juga sikap
74 pelajar itu sendiri yang kadang-kadang kita terpaksa ambil masa untuk
75 mententeramkan diorang.